



**KAJIAN PENGARUH AGAMA TERHADAP KECENDERUNGAN
POLITIK DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

BARISAN PENYELIDIK:

PROF. MADYA DR. AHMAD TARMIZI TALIB (KETUA PENYELIDIK)

PROF. JAYUM ANAK JAWAN (PENASIHAT)

PROF. MADYA DR. SARJIT SINGH DARSHAN SINGH

SDR. MOHD RAHIMI RAMLI

SDRI. NUR AYUNI MOHD ISA

**FAKULTI EKOLOGI MANUSIA
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2014

RINGKASAN EKSEKUTIF

KAJIAN PENGARUH AGAMA TERHADAP KECENDERUNGAN POLITIK DI SEMENANJUNG MALAYSIA

1. PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Masyarakat Malaysia merupakan sebuah masyarakat majmuk yang terdiri daripada berbilang agama, bangsa, dan budaya dengan keunikannya sendiri. Namun begitu, kemajmukan ini turut digariskan sebagai salah satu cabaran utama dalam misi menjayakan pembangunan negara ke arah mencapai status negara maju mengikut acuan sendiri menjelang tahun 2020.

Terdapat beberapa kes yang melibatkan hubungan antara penganut agama yang terjejas dan berkait rapat dengan isu sensitiviti agama. Antaranya adalah isu penggunaan kalimah Allah dalam penerbitan gereja dan bantahan penduduk terhadap cadangan pembinaan kuil Hindu di kawasan mereka yang majoritinya beragama Islam di Seksyen 23, Shah Alam.

1.2 Persoalan Kajian

- a) Apakah pengaruh agama terhadap kecenderungan politik?
- b) Apakah pengaruh agama terhadap pemilihan pemimpin?
- c) Apakah tahap sentimen agama terhadap sesebuah parti?
- d) Apakah pola perbezaan pengaruh agama terhadap kecenderungan politik mengikut kumpulan agama?

1.3 Objektif Kajian

- a) Mengenal pasti pengaruh agama terhadap kecenderungan politik
- b) Mengukur pengaruh agama terhadap pemilihan pemimpin
- c) Mengenal pasti tahap sentimen agama terhadap sesebuah parti
- d) Mengenalpasti pola perbezaan pengaruh agama terhadap kecenderungan politik mengikut kumpulan agama.

1.4 Metodologi

Bahagian ini membincangkan secara terperinci tentang metodologi kajian. Setiap tatacara dan kaedah penyelidikan telah dibuat secara sistematik seiring dengan objektif kajian. Perbincangan ini tertumpu kepada lokasi kajian, persampelan, kajian rintis serta analisis data. Prosedur-prosedur yang digunakan adalah penting untuk hala tuju kajian ini menepati kaedah kajian dalam penyelidikan kuantitatif

1.4.1 Lokasi Kajian

Kajian ini telah dijalankan di negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Negeri-negeri ini telah dibahagikan kepada tiga zon. Setiap negeri yang mewakili zon utama di Semenanjung Malaysia bertumpukan ke atas kawasan bandar seperti berikut:

- i. Zon Utara – Kedah dan Pulau Pinang
- ii. Zon Tengah – Selangor
- iii. Zon Timur – Kelantan

1.4.2 Persampelan

Sampel kajian ini terdiri daripada 400 responden belia berumur (20-40 tahun) dipilih dari negeri-negeri tersebut. Kajian ini menggunakan persampelan secara berstrata (*random stratified sampling*) sebagai teknik persampelan.

1.4.3 Rekabentuk Kajian

Penyelidikan kuantitatif, iaitu survei.

2. DAPATAN KAJIAN

- a) Dapatan menunjukkan kolerasi antara pengaruh agama majoriti responden belia di Semenanjung Malaysia dengan pemilihan parti politik tidak signifikan.
- b) Dapatan kolerasi antara pengaruh agama terhadap kecenderungan pemilihan pemimpin politik kalangan belia di Semenanjung tidak menunjukkan perkaitan yang signifikan.
- c) Majoriti tahap sentimen terhadap agama Islam berdasarkan pemilihan parti politik belia di Semenanjung berada pada tahap ditahap tinggi. Bagi sentimen responden yang memilih BN sebagai pilihan, mempunyai tahap yang tinggi, iaitu 43.25%. Sementara itu, responden kalangan PR pula mempunyai tahap sentimen yang tinggi sebanyak 66.48%.
- d) Sementara itu, majoriti tahap sentimen terhadap kebebasan agama berdasarkan pemilihan parti politik belia di Semenanjung berada pada tahap ditahap sederhana. Bagi sentimen responden yang memilih BN sebagai pilihan, mempunyai tahap yang

sederhana, iaitu 53.95%. Sementara itu, responden kalangan PR pula mempunyai tahap sentimen yang tinggi sebanyak 60.0%.

3. IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini mengesahkan bahawa isu agama masih relevan dan sering menjadi tumpuan. Isu-isu tersebut amat mudah dimanipulasi oleh pelbagai pihak untuk kepentingan tertentu. Hal ini menyebabkan suhu hubungan antara penganut agama di Malaysia sentiasa berdepan dengan pasang surutnya. Hubungan antara agama dilihat juga sering disensasikan oleh pihak penyebar maklumat seperti media, pemimpin politik dan NGO yang sering menimbulkan keresahan masyarakat. Peranan media, pemimpin dan NGO serta pihak kerajaan sendiri perlu bertanggungjawab dalam menjaga sensitiviti antara agama dari segi penyediaan maklumat, dan penyampaian serta mendokong aspirasi negara. Kajian-kajian sebelum ini juga telah memperlihatkan bahawa masih terdapat jurang dalam hubungan antara agama yang ketara. Ini dapat dilihat dari sikap prejudis yang wujud dalam kalangan penganut agama. Jurang ini perlu dirapatkan. Selagi mana terdapat jurang pemisah dalam bentuk prejudis, khususnya dalam hubungan antara penganut, proses penyatuan dan integrasi pasti sukar dicapai.

4. CADANGAN

- a) Antara cadangan yang patut diutarakan adalah semua pihak termasuk kerajaan, komuniti, badan-badan organisasi dan individu itu sendiri perlu memainkan peranan masing-masing dalam memupuk nilai kegamaan dan memberi kefahaman terhadap asas semua agama di Malaysia kepada para belia khususnya. Walau bagaimanapun, bagi memupuk nilai tersebut, pelbagai program perlu dirangka bersama pakar-pakar dan ianya juga perlu menepati kehendak belia sebagai golongan sasaran agar tidak menjadikan program tersebut sekadar retorik politik dan keuntungan pihak yang berkepentingan.
- b) Penerangan berterusan kepada golongan belia mengenai tanggungjawab sebagai warganegara terhadap semua warganegara Malaysia tanpa mengira sempadan politik, agama dan etnik.
- c) Antara cadangan yang patut diutarakan adalah semua pihak termasuk kerajaan, komuniti, badan-badan organisasi dan individu itu sendiri perlu memainkan peranan masing-masing dalam memupuk hubungan murni dalam masyarakat terutamanya apabila ianya melibatkan isu dan nilai agama. Walaubagaimanapun, bagi memupuk nilai tersebut, program-program keagamaan perlu diberi keutamaan dan tidak terlalu sensitif sehingga boleh menimbulkan sensitiviti orang atau agama lain.
- d) Penyebaran maklumat yang tepat dan sahih oleh pihak media perlu diutamakan agar hubungan antara agama menjadi lebih harmonis dan stabil.
- e) Memperbanyakkan dialog antara agama dalam kalangan pemimpin dan juga institusi keagamaan.